Risalah: Dimana Allah?

Alhamdulillah[1], segala puji bagi Allah ﷻ yang telah memberi peluang kepada pihak Exco Dakwah & Tarbiah untuk meneruskan penerbitan risalah Nidaaul Haq ini dengan menjelaskan persoalan-persoalan semasa berdasarkan pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Persoalan yang ingin dibangkitkan adalah Di manakah Allah? Persoalan ini mungkin menggoncang pemikiran para pendengarnya yang kurang mendalami ilmu aqidah. Ini kerana sejak kecil kita tidak didedahkan dengan persoalan-persoalan seperti ini. Namun ketahuilah sahabat-sahabatku bahawa persoalan ini bukanlah bid’ah dalam agama bahkan soalan ini telah digunakan oleh Rasulullah ﷺ untuk menentukan kesahihan iman dan aqidah seseorang yang akan kami datangkan dalilnya nanti.

Firman Allah ﷻ:



(yaitu) Tuhan yang Maha Pemurah. yang bersemayam di atas 'Arsy. [*Surah Taha ayat 5*]

---

[1] Risalah ini adalah disediakan oleh Saudara Muhammad Asri bin Sobrie ketika beliau menuntut dan memegang jawatan sebagai Exco Dakwah di IPTIPs dan saya (Mohd Safwan bin Rusydi) telah mengemas kini dan membuat sedikit gubahan dan tambahan pada risalah beliau ini. Semoga kita mendapat manfaat darinya, Insya-Allah.

Dalam ayat di atas Allah dengan jelas telah menetapkan sifat bersemayam atau istiwa’ pada zatNya yang agung. Istiwa’ dalam bahasa Arab adalah Al-‘Uluww dan Al-Irtifa’ **العلو**

(**والارتفاع**) maksud Al-‘Arsy pulak adalah ma’ruf iaitu Singgahsana dan Takhta kebesaran. Al-‘Arsy adalah ‘alam (makhluk) yang paling besar dan agung yang berada di langit ke tujuh di atas Syurga Al-Firdaus. Sabda Rasulullah ﷺ:

“Daripada Abu Hurairah ؓ daripada Nabi ﷺ Baginda bersabda: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan RasulNya dan mendirikan Solat dan berpuasa Ramadhan maka adalah menjadi hak atas Allah untuk memasukkannya ke dalam Syurga sama ada dia berhijrah di jalan Allah atau tinggal tetap di tanah airnya. Mereka (Sahabat) berkata: Apakah kami tidak memberitahukan hal ini kepada manusia? Maka bersabda Nabi ﷺ: Sesungguhnya dalam Syurga itu ada 100 darjat yang disediakan Allah bagi Mujahidin di jalanNya setiap di antara dua darjat itu seperti jarak antara langit dan bumi maka apabila kamu meminta kepada Allah maka mintalah Syurga Al-Firdaus kerana ia adalah yang paling tengah dan paling tinggi dan atasnya ‘Arsy Ar-Rahman dan darinyalah terpancar

sunagi-sungai Syurga.” [*Riwayat Al-Bukhari Kitab At-Tauhid Bab* *وكان عرشه على الماء وهو رب العرش العظيم*]

Dalam melihat lebih jelas lagi berkenaan masalah ini saya datangkan Tafsiran para ulama’ Salaf terhadap ayat istiwa’ ini yang terdapat sebanyak 7 kali di dalam Al-Quran Kalamullah. Ayat yang pertama terdapat pada Surah Al-A’raf ayat ke 54:

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang Telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu dia bersemayam di atas 'Arsy. dia menutupkan malam kepada siang yang mengikutinya dengan cepat, dan (diciptakan-Nya pula) matahari, bulan dan bintang-bintang (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, menciptakan dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam.

Pada Surah Al-Hadid ayat 4:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى

ٱلْعَرْشِ ۚ يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ

وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۖ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤﴾

Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa: Kemudian <u>dia bersemayam di atas ´arsy</u> dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepada-Nya. dan dia bersama kamu di mana saja kamu berada. dan Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan.

Berkata Ibn Katsir Rahimahullah:

“Dan adapun FirmanNya Ta’ala: **استوى على العرش** maka bagi manusia pada masalah ini pendapat

Ibn Katsir sendiri adalah bermazhab Syafi’i dan merupakan anak murid yang utama kepada Ibn Taimiyyah Rahimahullah. Namun yang menjadi peliknya, terdapat segelintir pihak yang menolak Ibn Taimiah dan Ibn Qayyim tetapi menerima Ibn Katsir.

yang banyak dan bukanlah di sini tempat membahaskannya dan sesungguhnya hendaklah diikuti dalam masalah ini mazhab Salaf As-Soleh: Malik, Auza'i, As-Tsaury, Al-Laith bin Saad, Asy-Syafi'i, Ahmad bin Hanbal, Ishaq bin Rahuwaih, dan selainnya daripada imam-imam muslimin dahulu dan sekarang iaitu melalukannya seperti mana datangnya tanpa takyif (memberi rupa), dan tidak pula tsaybih (penyerupaan), dan tidak pula ta'thil (membatalkan sifat)....”[*Lihat tafsir Surah Al-A'raf ayat 54, Tafsir Al-Quran Al-Azhim, Ibn Katsir, Jilid 2, Idarah Bina al-Masajid Wal Masyari' al-Islamiah 1992, ms 246*] [2]

Dalam kenyataan di atas amat jelas bahawa aqidah Allah berada di atas Arsy adalah aqidah Imam Syafi'i dan lain-lainnya. Ibn Katsir sendiri adalah bermazhab Syafi'i dan merupakan anak murid yang utama kepada Ibn Taimiyyah Rahimahullah. Namun yang menjadi peliknya, terdapat segelintir pihak yang menolak Ibn Taimiah dan Ibn Qayyim tetapi menerima Ibn Katsir.

Berkata pula Al-Bagahwi dalam tafsirnya ketika mentafsirkan ayat yang sama:

[2] Ada dalam Maktabah IPTIPs juga terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

“Dan telah menta’wilkan mu’tazilah Al-Istiwa’ dengan Al-Istila’ (menguasai) adapun Ahli Sunnah mereka berkata: Istiwa’ atas Al-‘Arsy adalah sifat bagi Allah Ta’ala tanpa Kaif (tanpa dibincang kaifiatnya) wajib atas setiap orang mengimaninya dan menyerahkan ilmu tentangnya (tentang kaifiatnya) pada Allah Azza wa Jalla. [*Tafsir Al-Baghawi, Al-Baghawi, Jilid 2, Beirut-Dar Kutub Ilmiah 1993, 137*][3].

Berkata pula Abu Su’ud:

وعن أصحابنا أن الاستواءَ على العرش صفة ا تعا بلا كيف وا ء أنه تعا

استوى على العرش على الوجه الذي عناه م هاً عن الاستقرار والتمكن ، والعرش ا سم

ا يط بسائر الأجسام ي به لارتفاعه أو للتشبيه بسرير ا لِك فإن الأمور والتدا تـ ل منه

Maksudnya: “Dan daripada Ashab kami (Ahli Sunnah) bahawa istiwa’ di atas ‘Arasy adalah sifat Allah Ta’ala tanpa Kaif dan maknanya adalah Allah Ta’ala bersemayam di atas Arasy dengan cara yang dikehendakiNya tanpa Istiqrar dan tetap dan ‘Arasy adalah jisim yang meliputi segala jisim dinamakan ‘Arasy kerana ketinggiannya atau diserupakan dengan Takhta Raja kerana segala urusan turun darinya. [*Rujuk Tafsir Abu Su’ud*][4]

[3] Ada dalam Maktabah IPTIPs begitu juga mukhtasarnya Ma’alim At-Tanzil.
[4] Ada dalam Maktabah IPTIPs.

Berkata Asy-Syaukani[5] dalam Fathul Qadir[6]:

قد اختلف العلماء   معـ   هذا على أربعة عشر قولاً ، وأحقها وأولاها بالصواب

مذهب السلف الصا   أنه : استوى سبحانه عليه بلا كيف ، بل على الوجه الذي يليق به

مع تـ هه عما لا وز عليه ، والاستواء   لغة العرب هو العلو والاستقرار .

Maksudnya: “Telah berselisih para ulama’(yakni dari setiap firqah islamiah) pada makna ayat ini kepada 14 pendapat dan yang paling benar dan paling utamanya dengan kebenaran adalah mazhab As-Salaf As-Soleh bahawa telah bersemayam Allah Ta’ala tanpa Kaif bahkan atas cara yang layak dengannya beserta Maha SuciNya dari apa yang tidak harus padanya dan Istiwa’ dalam bahasa ‘Arab adalah Tinggi dan Meninggi”.

Di Mana Allah di sisi Sahabat ﵃:

Imam Al-Kaie meriwayatkan dalam kitab beliau Syarh Usul I’tiqad Ahli Sunnah, Hadis No.506:

عن أم سلمة   قوله الر ن على العرش استوى قالت : الكيف غ معقول
والاستواء غ   هول والإقرار به إ ان وا حود به كفر

Maksudnya: “ Daripada Ummu Salamah R.A. (Isteri Rasulullah ﷺ) pada Firman Allah: الر ن على العرش استوى (Surah Taha ayat 5) dia (Ummu Salamah R.A.): Kaifiat tidak boleh

[5] Pengarang Kitab terkenal Nailul Authar fi Syarhi Ahadith Muntaqal Akhbar.
[6] Ada dalam perpustakaan IPTIPs

diketahui aqal, dan istiwa’ itu tidaklah majhul, dan meyakininya adalah Iman, dan mengingkarinya adalah kufur”.

Dari Abdullah bin Mas’ud ﵁ (Hadis 502):

عن عبد ا ، قال : « ما ب ا القصوى وب الكرسي سمائة سنة ، وما ب الكرسي وا اء سمائة سنة ، والعرش فوق ا اء ، وا فوق العرش لا فى عليه شيء من أعمال ب آدم »

Maksudnya:“Dari Abdullah beliau berkata: Apa yang ada di antara Sama Al-Quswa (Langit dunia) dan Kursi 500 tahun (jaraknya), dan antara Kursi dan Air 500 tahun, dan Al-‘Arsy di atas dari Air dan Allah di atas ‘Arasy tidak tersembunyi sesuatupun dariNya amalan-amalan anak Adam”.

Pendapat Imam Asy-Syafi’i:

Imam Al-Baihaqi Rahimahullah dalam Kitabnya Al-Asma’ was Sifat ketika membahas masalah **(الر ن على العرش اسنوى)** setelah mendatangkan riwayat-riwayat Salaf maka beliau berkata: “Dan atas jalan inilah menunjukkan mazhab Asy-Syafi’i ﵁ dan padanya juga telah berpendapat Ahmad

bin Hanbal dan Al-Husain bin Fadhl Al-Bajali dan daripada Mutaakhirin Abu Sulaiman Al-Khattabi”.

Imam Az-Zahabi telah mendatangkan pula kata-kata Imam Syafi’i sendiri dalam masalah ini:

Imam Malik: “Istiwa’ itu tidaklah Majhul (Ma’ruf), dan Kaifiatnya tidak diketahui, dan beriman dengannya adalah wajib, dan bertanya-tanya tentangnya (kaifiatnya) adalah bid’ah”.

“Telah meriwayatkan Syeikhul Islam Abul Hasan Al-Hakari dan Al-Hafiz Abu Muhammad Al-Muqaddisi dengan isnad mereka kepada Abu Tsaur dan Abu Syuaib kedua-duanya daripada Imam Muhammad bin Idris Asy-Syafi’i Nasir Al-Hadis Rahimahullah Ta’ala beliau berkata: Aku berpendapat tentang sunnah yang aku beri’tiqad atasnya dan aku melihat beri’tiqad juga seperti aku ini Sufyan As-Tsauri dan Malik dan selain keduanya adalah berikrar dengan Syahadah tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad pesuruh Allah dan bahawa Allah berada atas ‘ArasyNya di LangitNya mendekat Dia kepada makhlukNya seperti mana dikehendakiNya dan Dia turun ke langit dunia seperti mana Dia kehendaki...lalu menyebut semua i’tiqad Ahli Sunnah. [*Rujuk Al-Uluww lil ‘Aliyyi Al-Ghaffar, Juz 1, ms 165*]

Fatwa-fatwa beberapa Ulama’ Ahli Sunnah yang lain:

Imam Malik:

الاستواء غ هول ، والكيف غ معقول ، والإ ان به واجب ، والسؤال عنه بدعة

Maksudnya: “Istiwa’ itu tidaklah Majhul (Ma’ruf), dan Kaifiatnya tidak dapat dicapai aqal, dan Iman dengannya adalah wajib, dan bertanya-tanya tentangnya (menta’wilkannya) adalah bid’ah”. [*Rujuk Al-Asma’ was Sifat li Al-Baihaqi*][7].

Rabi’ah Ar-Ra’yi[8]:

الاستواء غ هول والكيف غ معقول ، ومن ا الرسالة وعلى الرسول البلاغ ، وعلينا التصديق

Maksudnya: “Istiwa’ itu tidak Majhul, Al-Kaif tidak dapat dicapai aqal, dan daripada Allah Ar-Risalah dan atas Rasul menyampaikannya dan atas kita membenarkannya”. [*Rujuk Syarh Usul I’tiqad Ahli Sunnah lil Kalaie*].

Imam Syafi’i:

آمنت با و ا جاء عن ا ، على مراد ا ، وآمنت برسول ا ، و ا جاء عن رسول ا على مراد رسول ا

Maksudnya: “Aku beriman kepada Allah dan apa yang datang dari Allah menurut kehendak Allah dan Aku

[7] Rujuk juga Tafsir Al-Qurthubi Al-Jami’ li Ahkamil Quran.

[8] Guru Imam Malik dan Hanafi

beriman dengan Rasulullah ﷺ dan dengan apa yang dibawa Rasulullah menurut kehendak Rasulullah"[9] [*Rujuk Lum'atul I'tiqad li Ibn Qudamah*]

Imam Abu Hanifah Rahimahullah:

"Dan Aku mendengar Al-Qadhi Al-Imam Tajuddin Abdul Khaliq bin Ulwan berkata aku mendengar Imam Abu Muhammad Abdullah Ahmad Al-Muqaddisi pengarang kitab Al-Muqni' Rahimahullah berkata: Telah sampai padaku dari Abu Hanifah Rahimahullah bahawa dia berkata: Sesiapa yang ingkar Allah ﷻ di langit maka dia telah Kafir. [*Rujuk Al-Uluww lil Aliyyil Ghaffar Juz 1 ms 136*]

Imam Abul Hasan Al-Asy'ari[10]:

"Kita melihat kaum muslimin mengangkat tangan mereka ke arah langit ketika berdoa. Ini membuktikan bahawa Allah beristiwa (bersemayam) di atas 'Arasy-Nya yang berada di atas langit. Kalau sekiranya Allah tidak berada di atas 'Arasy-Nya, tentulah mereka tidak akan mengangkat tangan ke arah 'Arasy sebagaimana mereka tidak akan merendahkan tangan mereka ke bumi ketika

[9] Ini jelas bahawa Imam Syafi'i menolak Ta'wil

[10] Kenyataan Abu Hassan Al-Asy'ari ini merupakan tambahan saya (Mohd Safwan) pada risalah ini.

berdoa”. [*Rujuk al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah, bab Istawa ‘ala al-‘Arsy, Dar al-Nafais, Beirut-Lubnan, ms 90]*

“Semua ayat-ayat ini menunjukkan bahawa Allah ﷻ tidak berada di dalam makhluk-Nya dan makhluk-Nya juga tidak berada di dalam Dzat-Nya, Dia yang Maha Suci bersemayam di atas ‘Arasy dengan tanpa bertanya akan rupa bentuk (kaifiat-Nya). Maha Suci Allah atas apa yang dikatakan orang-orang zalim dan ingkar dengan ketinggian yang sebesar-besarnya. [*Ibid, ms 95*][11]

Seterusnya pada ayat: **(وهو معكم أين ما كنتم)** yang bermaksud: **“Dan Dia (Allah) bersama kamu di mana sahaja”**.[12] Seakan-akan ayat ini ada pertentangan dengan ayat yang mengisbatkan Allah di Langit namun jika dirujuk pada Surah Al-Hadid ayat 4 maka jelas I’rab:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ

عَلَى ٱلْعَرْشِ ۚ يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ

[11] Ada dalam Maktabah IPTIPs bahagian Usuluddin.

[12] Pada ayat inilah golongan yang mengatakan Allah tidak bertempat itu berada dimana-mana. Akan tetapi ayat yang mereka ambil cumalah potongan dan tidak diambil secara keseluruhan. Walhal, ayat ini dimulakan pada awalnya “Dia bersemayam di atas ‘Arasy” kemudian barulah “Dia bersama di mana saja kamu berada”.

ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعۡرُجُ فِيهَاۖ وَهُوَ مَعَكُمۡ أَيۡنَ مَا كُنتُمۡۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٌ



"Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa: Kemudian dia bersemayam di atas ´Arsy Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepada-Nya. <u>Dan Dia bersama kamu di mana saja kamu berada</u>. Dan Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan."

Adalah jumlah musta'nafah Haliah iaitu hal kepada ayat sebelumnya hingga apabila ditafsir maka bermakna: Dia bersemayam di atas 'Arasy dalam keadaan Dia mengetahui apa yang masuk dan keluar di bumi dan apa yang turun dan naik ke langit dan Dia bersama kamu di mana kamu berada dan Allah Maha mengetahui perbuatan kamu dan Dia Maha Melihat.

Jadi Allah di atas 'Arasy sedangkan ilmunya meliputi segala makhluknya.

عن مقاتل بن حيان ، عن الضحاك ، قال : (ما يكون من وى ثلاثة إلا هو رابعهم ولا سة إلا هو سادسهم (1) قال : هو ا عز وجل على العرش وعلمه معهم

Dari Muqatil bin Hayyan dari Ad-Dhahhak[13] beliau berkata (mentafsirkan ayat ke-7 surah Al-Mujadalah): <u>Dialah Allah di atas 'Arasy dan ilmunya bersama mereka (makhluk)"</u>. [*Rujuk Al-Asma' was Sifat li Al-Baihaqi*]

Firman Allah :

قَالَ لَا تَخَافَآ ۖ إِنَّنِى مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

Allah berfirman: "Janganlah kamu berdua khawatir, Sesungguhnya Aku beserta kamu berdua, Aku mendengar dan melihat".[*Surah Taha ayat 45*]

Ayat ini menjelaskan Sifat Al-Ma'iyyah bagi Allah iaitu sifat bersama. Allah bersama dengan makhluknya dengan Ilmunya, PendenganranNya, dan PenglihatanNya. Kita meyakini Muraqabah Allah bukan Muraqabah Syeikh seperti i'tiqad orang-orang yang melampau. Bagi mereka yang mempunyai ilmu tentang bahasa arab dan i'rabul Quran dan pengetahuan Tafsir yang betul maka tentulah dapat

---

[13] Mufassir Agung antara anak murid Ibn Abbas.

memahami maksud Istiwa’ dan Ma’iyyah dengan sebenar-benarnya.

Akhirnya kami bawakan hadis ketika mana Rasulullah ﷺ telah bertanya kepada seorang hamba wanita: **Di manakah Allah? Dia (hamba itu) menjawab: Di Langit, baginda bertanya lagi: Siapa aku? Hamba itu menjawab: Kamu Rasulullah. Lalu baginda bersabda: merdekakan dia kerana dia adalah seorang Mukminah.** [*Hadis ini Sahih, dikeluarkan oleh Malik, Muslim, Abu Daud, dan lain-lain, rujuk: Sahih Muslim, no: 537*].[14]

Kesimpulan:

Ulama’ Ahli Sunnah wal Jamaah telah ijma’ akan wajibnya beriman Allah itu di langit iaitu tempat yang tinggi di atas ‘Arasy dan ilmunya meliputi segala makhluknya. Aqidah ini tidak sama dengan Jahmiah yang berkata Allah di mana-mana lalu membawa kepada Fahaman Tasawwuf yang terkenal iaitu Hulul[15], ittihad[16] dan Wihdah Al-Wujud[17].

---

[14] Ulama’ hadis telah meriwayatkan hadis ini tanpa sebarang takwil atau tahrif (pengubahan lafaz) dalam kitab-kitab mereka maka semoga kita termasuk dalam golongan yang mengikut jejak mereka..Amin..

[15] Aqidah batil Allah meresap dalam tubuh makhluk, dibawa Al-Hallaj Al-Sufi

[16] Aqidah Batil manusia meresap dalam Allah, dibawa Abu Yazid Al-Bisthami salah seorang dalam rantai sanad tarikat Naqsyabandiah Khalidiah.

[17] Allah dan Makhluk adalah satu, Aqidah batil Ibn Arabi. Kitabnya adanya dalam Maktabah, Futuhat Al-Makkiyyah.

Sesiapa yang menyalahi aqidah ini maka dia telah terkeluar daripada golongan Ahli Sunnah. Ahli Sunnah tidak mentasybih sifat Allah dengan Makhluk tetapi menetapkan wujudnya sifat tanpa menetapkan cara wujudnya (إثبات الوجود لا إثبات الكيف). Aqidah ini juga berbeza dengan Mufawwidah Asya'irah[18] yang tidak menetapkan wujud mahupun kaif.

Untuk mengetahui lebih lanjut maka lihatlah kitab-kitab Aqidah seperti Al-Ibanah, Syarhu At-Tahawiyah[19], Majmu' Fatawa Ibn Taimiyyah dalam masalah aqidah, Tauhid Ibn Khuzaimah, I'tiqad lil Baihaqi, Al-Uluww li Aliyyil Gahffar oleh Zahabi dan lain-lain lagi. Semoga Allah menyelamatkan kita daripada terjebak ke dalam aqidah yang menyesatkan dan menetapkan kita dalam golongan Al-Firqah An-Najiyah...Amin..

---

[18] Asya'irah ada dua, Mutaawilin iaitu yang menta'wil sifat dan mufawwidah iaitu yang tidak menetapkan sifat khabariyah Cuma 13 sifat sahaja bagi Allah. Lihat kitab mereka Syarh Jauhirah At-Tauhid.

[19] Syarhu Thahawiyyah fil Aqidah As-Salafiyyah oleh Ibn Al-'Izz Al-Hanafi anak murid kepada Ibn Kathir.